

# Cari sumber keuangan sendiri

BK - 4 SEP 1991

MELAKA, Selasa — Semua kementerian, agensi dan jabatan kerajaan diarah mencari sumber kewangan sendiri tanpa mengharapkan peruntukan Kerajaan Pusat supaya lebih mampu berdikari, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Kabinet dalam mesyuaratnya minggu lalu memutuskan semua badan kerajaan mencari kewangan sendiri dengan cara menjual apa sahaja yang boleh dijual.

"Contohnya, sekarang ini kita memberi borang secara percuma sedangkan kita tidak cap borang dengan percuma. Jadi, kita harus periksa semula apa yang kita boleh kenakan bayaran kepada orang ramai terhadap khidmat yang diberikan percuma sekarang," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian selepas mendengar

taklimat mengenai pembangunan Melaka disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Zam Abdul Wahab di Seri Negeri di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Kabinet dan Ahli Exco Negeri, termasuk Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau sedar orang ramai mungkin tidak senang hati dengan langkah itu tetapi mereka perlu memahami hakikat ia adalah cara terbaik agensi kerajaan mendapatkan sumber kewangan.

"Kita tidak ada duit untuk dibekalkan (kepada agensi kerajaan). Jadi, kita mesti mengadakan punca ini," katanya.

Beliau memberi contoh penjualan tanah yang diambil alih oleh kerajaan yang dijual kepada pelabur perlu ditetapkan pada harga yang boleh

menghasilkan lebih pendapatan kepada kerajaan.

"Pelabur harus disedarkan mereka bukan saja perlu membayar harga tanah, malah mesti menyumbangkan caruman kepada infrastruktur yang mungkin tidak ada di situ tetapi ada di tempat lain.

"Walaupun kita membina lapangan terbang antara-bangsa di Sepang, Selangor dengan belanja mungkin \$20 bilion, ia bukan untuk Sepang, Selangor atau Kuala Lumpur tetapi untuk Melaka juga. Begitu juga dengan pelabuhan baru di Klang yang dibiayai oleh pelabur Melaka.

"Oleh itu, harga tanah mesti ditentukan supaya kita mendapat balik (pulangan untuk) perbelanjaan. Kalau tanah dijual oleh kerajaan negeri, tentulah kerajaan negeri mendapat wang yang lebih ini," katanya.

**LIHAT MUKA 2**

## PM setuju syor kerajaan negeri kutip tol

**DARI MUKA 1**

Beliau turut bersetuju dengan cadangan Tan Sri Abdul Rahim supaya kerajaan negeri dibenarkan mengutip tol jalan raya sebagai satu daripada langkah mendapatkan sumber kewangan.

Menurut Perdana Menteri, agensi kerajaan serta kerajaan negeri perlu memikirkan cara untuk membekal serta mencari kewangan sendiri bagi membangunkan negeri masing-masing.

"Apakah kita hendak menunggu Kerajaan Pusat memberi peruntukan, kerana Kerajaan Pusat sendiri tidak mampu? Kalau kita hutang sekalipun, kita tidak boleh hutang secara tidak terhad, ia mesti terhad.

"Jadi, kalau kita hutang pun, agihan masih tidak cukup. Akan ada permintaan yang tidak dapat dilayan oleh Kerajaan Pusat," katanya.

Menyedari negara tidak dapat berhutang dengan begitu banyak sedangkan memerlukan perbelanjaan besar, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan mesti memikirkan cara-cara lain.

Menurutnya, rakyat harus menerima pendekatan baru, termasuk sistem tol dan penswastan kerana sikap tidak menerimanya bererti pertumbuhan negara akan terencat.